

CNS4714

U GB 16-07 00191 BC554

aab

Mahathir - Rabin

MAHATHIR NAHI BERTEMU RABIN

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menafikan laporan bahawa beliau mengadakan pertemuan sulit dengan Perdana Menteri Israel Yitzhak Rabin, di Paris, Perancis, pada 6 Julai lepas.

Perdana Menteri berkata Rabin dan beliau memang menginap di hotel yang sama semasa di sana tetapi tidak pernah mengadakan sebarang pertemuan seperti yang dilaporkan stesen televisyen Israel lewat semalam.

"(Di Hotel de Crillion) dia duduk tingkat dua, saya duduk tingkat tiga. Itu sahaja. Tak ada jumpalah. Saya jumpa dia buat apa," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan ketua-ketua bahagian Umno Kelantan, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr Mahathir membuat lawatan rasmi ke Perancis dari 6 hingga 9 Julai lepas. Pada masa yang sama Perdana Menteri Israel itu juga berada di Paris untuk menerima satu anugerah keamanan UNESCO bersama Menteri Luar Shimon Peres dan Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin, Yasser Arafat.

Bagaimanapun, laporan televisyen Israel itu yang dipetik agensi berita AFP menyebut bahawa Rabin mengadakan pertemuan sulit dengan Dr Mahathir di Paris awal bulan ini. -- Lagi

▼16/07/00-18MST

CNS4717

R GB 16-07 00138 BC556

aab

Mahathir - Rabin 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Hotel de Crillion milik kerajaan Perancis dan disebabkan itu semua tetamunya menginap di sana termasuk beliau, Rabin dan juga Arafat.

Katanya stesen televisyen Israel itu berniat jahat apabila melaporkan kononnya beliau mengadakan pertemuan sulit dengan Rabin.

"Saya fikir dia ingat kalau dia kata macam itu (bahawa beliau bertemu Rabin), tentu saya akan menghadapi masalah. Tidak berniat baiklah tu. Kawan tu (Israel) mana pernah ada niat baik," katanya.

Menyentuh lawatan Pengerusi Kumpulan Melewar, Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman, ke Israel baru-baru ini, Perdana Menteri berkata televisyen Israel melaporkan seolah-olah lawatan itu dengan arahan kerajaan Malaysia.

Dr Mahathir berkata bahawa Tunku Abdullah memberitahu beliau lawatannya (Tunku Abdullah) ke Israel adalah dengan jemputan rejim Tel Aviv. -- Lagi

▼16/07/00-29MST

CNS4719

R GB 16-07 00097 BC557

aab

Mahathir - Rabin 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata tujuan Tel Aviv menjemput Tunku Abdullah adalah untuk membincangkan soal politik.

Bagaimanapun, katanya, Tunku Abdullah memberitahu beliau bahawa pemerginya ke sana untuk mencari peluang perniagaan dengan Israel dan juga Palestin.

"Orang Israel memang seronok sangatlah hendak terima kalau orang kita pergi ke sana," katanya.

Katanya tindakan Tunku Abdullah pergi ke Israel sememangnya salah tetapi kerajaan tidak akan ambil tindakan.

"Orang Utusan (Malaysia) pun pergi ke sana dulu tetapi kita tidak ambil tindakan," katanya. -- Lagi

▼16/07/00-36MST

CNS4720

R GB 16-07 00103 BC558

aab

Mahathir - Rabin 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Ditanya mengenai pertemuannya dengan ketua-ketua bahagian Umno Kelantan, Dr Mahathir berkata ia berjaya menyelesaikan banyak masalah yang berbangkit sebelum ini.

Katanya pada pertemuan itu semua pihak meluahkan perasaan dan pendapat masing-masing secara terbuka dan hasilnya perpaduan parti semakin kukuh.

Bagaimanapun, katanya, soal perlantikan jawatankuasa bahagian-bahagian Umno di Kelantan masih belum selesai.

"Tak apalah ini (soal perlantikan) bukan penting dan bukan satu masalah. Kalau lambat pun tidak apa," katanya.

Beliau berkata senarai jawatankuasa itu akan diumumkan sebaik siap kelak. -- Bernama.

AH RON

▼16/07/00-48MST